



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGUNAAN KOD KOMUNIKASI BUKAN LISAN HAPTİK, PROKSEMIKS DAN KRONEMIKS DALAM ADAT PERKAHWINAN MELAYU DI PERAK

KHAIRUL AZAM BAHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PENGUNAAN KOD KOMUNIKASI BUKAN LISAN HAPTİK, PROKSEMIKS
DAN KRONEMIKS DALAM ADAT PERKAHWINAN MELAYU DI PERAK**

KHAIRUL AZAM BAHARI



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**INSTITUT PERADABAN MELAYU
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2023



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
سولطان ايدريس تعليم اونيڤرسيتي
SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITYSila tanda (v)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

7

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH


PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada 16 (hari bulan) Mei (bulan) 2023

i. Perakuan pelajar :

Saya, Khairul Azam bin Bahari, P20152002182, Institut Peradaban Melayu (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk Penggunaan Kod Komunikasi Bukan Lisan Haptik, Proksemiks dan Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu di Perak

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya


Tandatangan pelajar


ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Dr. Azhar Wahid (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Penggunaan Kod Komunikasi Bukan Lisan Haptik, Proksemiks dan Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu di Perak

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Doktor Falsafah Peradaban Melayu (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

16 Mei 2023

Tarikh


Tandatangan Penyelia

Profesor Dr. Azhar HJ. Wahid
Fakulti Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak



UPS1105-3/EO 31
Printed on 11/15/11



INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES

BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM

Tajuk / Title: PENGUNAAN KOD KOMUNIKASI BUKAN LISAN HAPTIK, PROKSEMIKS
DAN KRONEMIKS DALAM ADAT PERKAHWINAN MELAYU DI PERAK

No. Matrik /Matric's No.: P20152002182

Saya / I : KHAIRUL AZAM BAHARI

(Name Deliberator / Student's Name)

mengaku membekalkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek Ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengumpulkan maklumat yang berdalang keselamatan atau keupayaan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secrets Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandung maklumat lntiac yang telah ditetapkan oleh organisasi badan ini mana pnyalidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization whom research was done

☒ TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 16 MEI 2023

Profesor Dr. Azhar HJ. Wahid
Fakult Bahasa dan Komunikasi
Universiti Pendidikan Sultan Idris
35900 Tanjung Malim Perak

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali subub dan tempoh keajaian ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Segala puji kepada Allah S.W.T tuhan sekalian alam yang telah mengizinkan saya untuk menyelesaikan sebuah perjalanan yang penuh dengan pengalaman dan pengajaran. Sebuah perjalanan yang menginsafkan betapa kerdilnya diri ini berbanding kebesaran Allah yang menguasai segala yang ada di langit dan di bumi.

Setinggi-tinggi penghargaan saya panjangkan kepada Profesor Dr. Azhar Wahid atas kesabaran membimbing dan memberi tunjuk ajar serta berterus-terusan memberikan semangat agar penulisan tesis ini dapat diselesaikan sebaik-sebaiknya. Tidak lupa juga kepada Profesor Emeritus Dr. Abdullah Hassan, Profesor Dr. Mohammed Zin Nordin, Profesor Madya Dr. Anida Sarudin, Profesor Madya Dr. Dahlia Janan dan Dr. Siti Nor Amalina Ahmad Tajuddin atas dorongan dan keperihatinan yang ditunjukkan sepanjang perjalanan saya melengkapkan pengajian ini.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengungkapkan penghargaan kepada Institut Peradaban Melayu, Institut Pengajian Siswazah dan Perpustakaan Tuanku Bainun khususnya dan Universiti Pendidikan Sultan Idris umumnya atas pelbagai bantuan dan kemudahan yang ditawarkan sepanjang pengajian saya. Tidak lupa, kepada rakan-rakan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi yang terus-terusan memberikan semangat, terima kasih diucapkan.

Buat Almarhum Ayahanda Haji Bahari bin Daham dan Almarhumah Bonda Hajah Zabidah binti Yeop Taarif yang tersayang, kasih sayang, dorongan dan doa disepanjang hidup ayahanda bonda buat anakanda, semoga Allah membalasnya dengan syurga yang tertinggi. Hanya kiriman doa dari anakanda kepada ayahanda dan bonda berdua. Buat ayahanda dan bonda mertua, terima kasih atas doanya. Kepada para kekanda Mohammad Yazid, Ahmad Nizar, Almarhum Zahid, Mohammad Razif, adinda Norzainah dan seluruh ahli keluarga, terima kasih atas doa yang dipanjatkan kepada Allah S.W.T.

Buat kekasih hati, Husna Faredza Mohamed Redzwan dan anakanda tersayang, Nur Alisya Adriana, terima kasih atas titipan doa, kasih sayang yang diberikan dan kesabaran yang dipamerkan. Walaupun ada ketika semangat luntur di tengah jalan, namun apabila menatap wajah dinda dan anakanda, semangat yang hilang pulih semula.

Kepada mereka yang pernah membantu secara langsung mahupun tidak langsung, semoga Allah membalas segala kebaikan dengan meningkatkan darjat anda semua.

Akhir sekali, adalah diharapkan setitis ilmu kurniaan daripada Allah yang Maha Berkuasa dapat memberikan manfaat dalam membina kepustakaan tamadun Melayu di persada negara tercinta.





ABSTRAK

Kajian ini berfokus kepada haptik, proksemiks dan kronemiks yang diperhatikan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu di Perak. Tiga objektif dirangka untuk kajian ini, iaitu untuk mengenal pasti penggunaan haptik, proksemiks dan kronemiks dalam adat perkahwinan Melayu. Objektif kedua pula menganalisis kepentingan ketiga-tiga aspek ini dalam adat perkahwinan tersebut dan objektif ketiga menghuraikan globalisasi dan pengaruh media terhadap haptik, proksemiks dan kronemiks dalam adat perkahwinan Melayu. Kaedah kualitatif dan reka bentuk kajian etnografi diaplikasikan dalam kajian ini. Proses pengutipan data melibatkan tujuh buah majlis perkahwinan di kampung-kampung di pinggir bandar raya Ipoh dan tiga buah hotel di sekitar bandar raya Ipoh. Peralatan audio video digunakan bagi merakam tingkah laku haptik, proksemiks dan kronemik bersama-sama catatan lapangan yang dibuat dalam tempoh empat bulan melibatkan lebih 90 jam kajian lapangan. Temu bual bersama 15 orang responden yang terdiri daripada individu yang mahir menguruskan perkahwinan dan sering menghadiri majlis perkahwinan turut diadakan. Selain itu, dua orang jurugambar perkahwinan dan dua orang perancang perkahwinan berpengalaman turut ditemu bual bagi mendapatkan maklumat dan pengesahan data lapangan dibuat oleh pakar bidang. Data yang diperoleh dikod dan dianotasi secara tematik manakala analisis dapatan dibincangkan dalam bentuk naratif mengikut tema. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan haptik, proksemiks dan kronemiks terangkum dalam adat masyarakat Melayu manakala adab dan pegangan Islam menjadi elemen penting apabila berkomunikasi secara haptik, proksemiks dan kronemiks. Hal ini menggambarkan kepentingan menjaga keharmonian serta mewujudkan keselesaan, penghormatan, dan petunjuk kepada status dan kedudukan. Didapati globalisasi dan pengaruh media turut mempengaruhi gaya hidup masyarakat Melayu namun kesannya tidak ketara. Ini menunjukkan bahawa jati diri bangsa Melayu masih kekal utuh bersandarkan kepada Islam dengan adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah. Kajian ini dapat menyumbang kepada pemahaman dan ilmu berkaitan haptik, proksemiks dan kronemik dan boleh dikembangkan serta diperincikan kepada pelbagai aspek lain yang masih belum diterokai.





THE USE OF NONVERBAL COMMUNICATION CODES; HAPTIC, PROXEMICS AND CHRONEMICS IN THE MARRIAGE CUSTOMS OF THE MALAY COMMUNITY IN PERAK

ABSTRACT

This study focuses on haptics, proxemics and chronemics observed in the Malay marriage customs in Perak. Three research objectives were formulated for this study. The first objective is to identify the use of haptics, proxemics, and chronemics in Malay wedding customs. Whilst the second objective is to analyse their importance in the wedding custom, and the third objective is to explain the influence of globalisation and media on haptics, proxemics, and chronemics in Malay wedding customs. Qualitative methods and ethnographic research design were applied in this study. The data collection process involved seven wedding ceremonies in villages on the outskirts of Ipoh city and three hotels in Ipoh city. Audio and video recording devices were used to record haptic, proxemic, and chronemics behaviors along with field notes taken during the four-month data collection period with a total of 90-hours long fieldwork. Interview sessions with 15 respondents consisting of individuals who are familiar in managing weddings and often attend weddings were also held. In addition, two wedding photographers and two experienced wedding planners were interviewed to obtain more information and to verify the data. The data obtained was also verified and validated by a field specialist and later coded and annotated thematically. The findings were discussed in the form of a narrative according to the themes that have been constructed. The findings of this study show that haptics, proxemics, and chronemics usage are according to what is identify as *adat* in the Malay world. Adab (manners) and Islamic virtue were also observed which become the most important elements in creating comfort, and respect, and also act as indicators of status and position. It was also found that globalisation and the influence of the media also affect the lifestyle of the Malay community. However, the effects are not significant which indicates strong relations of Islam as accorded in a saying, *adat bersendi syarak, syarak bersendi kitabullah*. This study contributes to the understanding and knowledge related to haptics, proxemics, and chronemics and can be developed to various other aspects that have yet to be explored.





KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	1
1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	3
1.2 Penyataan Masalah	8
1.3 Objektif Kajian	13
1.4 Soalan Kajian	14
1.5 Kerangka Konseptual Kajian	15
1.6 Kepentingan Kajian	17
1.6.1 Perubahan dalam adat dan adab	18
1.6.2 Manfaat kepada budayawan dan aktivis masyarakat	18



1.6.3	Kajian lanjut dalam bidang komunikasi bukan lisan	19
1.7	Batasan Kajian	21
1.8	Definisi Istilah dan Operasional	24
1.8.1	Haptik (Sentuhan)	24
1.8.2	Proksemiks (Jarak dan Ruang)	26
1.8.3	Kronemiks (Masa)	31
1.9	Adat	33
1.9.1	Konsep tentang Adat Melayu	34
1.10	Adab	38
1.11	Islam	39
1.12	Kesimpulan	42

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.0	Pendahuluan	43
2.1	Budaya	44
2.2	Komunikasi Bukan Lisan	46
2.3	Haptik (Sentuhan)	50
2.3.1	Jenis-jenis Haptik	51
2.3.1.1	Haptik Profesional	51
2.3.1.2	Haptik Sosial atau Sopan	52
2.3.1.3	Haptik Persahabatan	53
2.3.1.4	Haptik Intim	53
2.3.1.5	Haptik Seksual	54

2.3.1.6	Haptik yang memberi kesan positif	54
2.3.1.7	Haptik yang memberi kesan negatif	55
2.3.1.8	Haptik beremosi yang terperinci	55
2.3.1.9	Haptik secara menyeronokkan	56
2.3.1.10	Haptik yang merangsangkan	57
2.3.1.11	Haptik secara pengurusan interaksi	57
2.3.1.12	Haptik yang menstimulasikan psikologi	58
2.3.1.13	Haptik yang membawa respons interpersonal	58
2.3.1.14	Haptik berkaitan dengan kerja	58
2.3.1.15	Haptik pemulihan	59
2.3.1.16	Haptik sebagai simbol status	60
2.3.2	Haptik dalam Budaya-Budaya di Dunia	63
2.4	Proksemiks	68
2.4.1	Fungsi Jarak	73
2.4.2	Jenis-jenis Jarak	74
2.4.3	Penggunaan Jarak	79
2.4.4	Teritori	87
2.4.5	Penggunaan Ruang dalam Pelbagai Budaya	88
2.4.5.1	Penggunaan ruang dan jarak dalam budaya dunia	90
2.4.5.2	Penggunaan ruang dalam seni bina rumah bagi golongan keturunan Arab di Indonesia	91

2.4.5.3	Penggunaan ruang dalam rumah lamin masyarakat Dayak Kenyah	91
2.5	Kronemiks	94
2.5.1	Masa Monokronik dan Budaya di Dunia	97
2.5.2	Masa Polikronik dan Budaya di Dunia	103
2.6	Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu di Malaysia	105
2.6.1	Majlis Kenduri Kahwin (Resepsi)	118
2.7	Adab Masyarakat Melayu dalam berkomunikasi/perbahasan	122
2.8	Kesimpulan	123

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 126

3.0	Pengenalan	126
3.1	Pendekatan Kajian Kualitatif	127
3.2	Reka Bentuk Kajian Etnografi	136
3.3	Pemilihan Kawasan Kajian	138
3.4	Pengumpulan Data	144
3.5	Kaedah Penglibatan-Pemerhatian	146
3.6	Kaedah Temu bual	149
3.7	Rakaman Audio Video	153
3.8	Fotografi	154
3.9	Analisis Data	156
3.10	Refleksi	164
3.11	Kaedah untuk mengesahkan kebolehpercayaan	166
3.12	Objektiviti	169



3.13	Kesimpulan	171
------	------------	-----

BAB 4 ANALISIS DAPATAN 173

4.0	Pendahuluan	173
-----	-------------	-----

4.1	Haptik	174
-----	--------	-----

4.1.1	Penggunaan Haptik dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	175
-------	--	-----

4.1.1.1	Haptik kepada pasangan baharu bernikah	176
---------	--	-----

4.1.1.2	Haptik dalam Kalangan Remaja	178
---------	------------------------------	-----

4.1.1.3	Haptik dalam Kalangan Orang Dewasa	180
---------	------------------------------------	-----

4.1.1.4	Haptik Menurut Perspektif Jantina	194
---------	-----------------------------------	-----

4.1.1.5	Haptik Mengikut Perbezaan Umur antara Golongan Remaja dan Dewasa	206
---------	--	-----

4.1.1.6	Haptik dan Penghormatan	210
---------	-------------------------	-----

4.2.2	Kepentingan Haptik dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	215
-------	---	-----

4.2.2.1	Haptik kepada pasangan yang baru berkahwin	216
---------	--	-----

4.2.2.2	Haptik sebagai tanda kemesraan	220
---------	--------------------------------	-----

4.2.2.3	Haptik sebagai tanda penghormatan	229
---------	-----------------------------------	-----

4.3	Proksemiks	237
-----	------------	-----

4.3.1	Penggunaan Proksemiks dalam Adat Perkahwinan Melayu	240
-------	---	-----

4.3.1.1	Jarak Intim (15 – 45cm)	241
---------	-------------------------	-----

4.3.1.2	Jarak Peribadi (0.5 – 1.2m)	249
---------	-----------------------------	-----

4.3.1.3	Jarak Sosial (1.5 – 3.6m)	261
---------	---------------------------	-----



4.3.1.4	Jarak Awam (3.6 – 7.6m)	279
4.3.1.5	Jarak dan Kuasa	283
4.3.1.6	Wilayah/Ruang	286
4.3.2	Kepentingan Penggunaan Proksemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	300
4.3.2.1	Mewujudkan rasa selamat dan selesa	300
4.3.2.2	Mematuhi kehendak dan persekitaran masyarakat Melayu Islam	310
4.3.2.3	Simbol kuasa dan status	316
4.3.2.4	Menjaga adab dalam interaksi	321
4.4	Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	329
4.4.1	Penggunaan Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	331
4.4.1.1	Fungsi Masa dalam Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu	365
4.4.2	Kepentingan Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	381
4.4.2.1	Toleransi dalam hubungan	383
4.4.2.2	Indikasi kuasa dan status	386
4.4.2.3	Menjaga hubungan kekeluargaan	389
4.4.2.4	Islam dan kepentingan masa	392
4.4.2.5	Pengurusan majlis perkahwinan	394
4.5	Kesan Globalisasi dan Pengaruh Media Terhadap Haptik, Proksemiks dan Kronemiks dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu	398
4.6	Kesimpulan	409



BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN	411
5.0 Pendahuluan	411
5.1 Perbincangan	413
5.2 Cadangan	430
5.3 Penutup	433
RUJUKAN	435
LAMPIRAN	467



**SENARAI JADUAL**

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Statistik terpilih penduduk, daerah pentadbiran Kinta, 2018-2020	141
3.2	Tarikh Kerja Lapangan	141
3.3	Pengekoden data mengikut responden dan tema	158
3.4	Pengekoden data mengikut jurugambar dan tema	160
3.5	Pengekoden data mengikut perancang perkahwinan dan tema	161
3.6	Pengekoden data mengikut perancang perkahwinan dan tema 2	162
3.7	Pengekoden data mengikut lokasi majlis perkahwinan jenis kod komunikasi bukan lisan dan konteks	162
3.8	Lokasi majlis perkahwinan, kod komunikasi bukan lisan dan konteks	163
5.0	Pemetaan Haptik, Proksemiks dan Kronemiks dengan Adat, Adab dan Islam	429





SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.0	Gambaran ruang dan jarak dalam interaksi manusia	29
3.1	Kerangka Kajian Kualitatif	128
4.1.	Upacara menyarung cincin atau juga dikenali sebagai Majlis Membatalkan Wuduk	176
4.2	Sentuhan dalam kalangan remaja sama jantina	178
4.3	Seorang perempuan bersalam dengan lelaki sebaya dengannya	182
4.4	Lelaki dan perempuan melagakan pipi dalam satu majlis perkahwinan di sebuah hotel di bandar.	184
4.5	Seorang lelaki membantu isteri menuruni cerun	186
4.6	Suami sedang memimpin isteri menuruni tangga	187
4.7	Seorang perempuan dengan anak saudaranya	187
4.8	Pengantin lelaki bersalam dengan ibu saudaranya sebagai tanda hormat	190
4.9	Pengantin lelaki memimpin pengantin perempuan dengan tangannya menarik tangan pengantin perempuan	195
4.10	Beberapa bentuk sentuhan yang berlaku antara lelaki dalam majlis perkahwinan	197
4.11	Lelaki berbaju kuning menyentuh belakang badan tetamunya	198
4.12	Sentuhan dalam kalangan lelaki	199
4.13	Bapa pengantin perempuan berbaju kuning sedang berbual dengan tetamunya	200
4.14	Perempuan dan haptik	202
4.15	Pengantin perempuan sedang berbual dengan kakak iparnya	203





4.16	Ciuman pengantin perempuan ke pipi tetamu perempuan	204
4.17	Pengantin lelaki bersalam mencium tangan bapa mertuanya	206
4.18	Seorang lelaki menggunakan kedua-dua tangannya untuk memegang tangan lelaki berbaju putih	208
4.19	Ciuman daripada nenek kepada cucunya	209
4.20	Bapa pengantin berbaju biru mengucapkan terima kasih kepada tetamunya	211
4.21	Ahli keluarga pengantin menyambut kehadiran tetamu	212
4.22	Majlis pernikahan Mawi (penyanyi popular) dan isterinya	214
4.23	Gelembung reaksi peribadi oleh Edward T. Hall (1966)	239
4.24	Pasangan baharu bernikah	241
4.25	Bakal pengantin dalam suatu majlis pertunangan	245
4.26	Suami isteri berjalan bersama di ruang peribadi	247
4.27	Kakak ipar menunaikan 'adat menepung tawar'	249
4.28	'Pak Cik Mail' dengan anak-anak saudaranya	250
4.29	Beberapa individu lelaki terlibat dalam perbualan, duduk bersebelahan dan berhadapan di antara satu sama lain dalam sebuah majlis perkahwinan	251
4.30	Haptik dan proksemiks di kalangan lelaki	256
4.31	Walaupun haptik digunakan, jarak dijaga dengan selesa, terutama ketika melibatkan interaksi antara lelaki dengan lelaki	258
4.32	Dalam jarak intim	259
4.33	Ipar perempuan saling berpelukan semasa majlis perkahwinan	259
4.34	Seorang wanita menepuk belakang salah seorang rakannya	261
4.35	Tempat duduk / ruang makan wanita	265
4.36	Tempat duduk / ruang makan lelaki	266





4.37	Seorang tetamu lelaki duduk di meja wanita	267
4.38	Susunan tempat duduk di dewan jamuan	267
4.39	Kedudukan tempat duduk yang sama yang diambil oleh tetamu lelaki dan wanita	276
4.40	Tempat duduk lelaki dan wanita di meja	276
4.41	Susunan tempat duduk yang berbeza	277
4.42	Semua tetamu memilih tempat duduk mereka sendiri	277
4.43	Sepasang suami isteri duduk bersama di pelamin semasa majlis perkahwinan mereka di sebuah kampung	280
4.44	Pelamin yang megah untuk pasangan pengantin diadakan di dewan banquet hotel	280
4.45	Wanita dan kanak-kanak duduk di hadapan pelamin sambil menunggu 'Raja dan Ratu Hari Ini'. Foto ini diambil dari arah pelamin.	281
4.46	Bersanding dan Menepung Tawar oleh Puteri Diraja Pahang	282
4.47	Foto berkumpul dengan pasangan pengantin di meja makan mereka	282
4.48	Puteri Diraja Pahang duduk di dalamnya kawasan yang ditentukan di hadapan pelamin	284
4.49	Tetamu terhormat membaca doa untuk memberkati pengantin baru	285
4.50	Rumah tanpa pagar; beberapa tetamu berlindung daripada panas terik di rumah jiran	287
4.51	Wilayah lelaki	288
4.52	Wilayah perempuan	288
4.53	Pengantin lelaki dengan pakaian Melayu putih sedang menunggu untuk Qadhi melakukan 'akad nikah' dengan keadaan berjarak daripada pasangan	290
4.54	Pengantin lelaki memasuki wilayah pengantin perempuan	291





4.55	Seorang lelaki memastikan bahawa nasi direbus hingga sempurna	293
4.56	Wanita menghidangkan makanan di pinggan kemudian dibawa ke ruang makan	293
4.57	Susunan meja biasa pada upacara perkahwinan di luar bandar	309
4.58	Mengekalkan ruang sosial di bawah meja	309
4.59	Jiran tetangga dilihat membantu urusan memasak di rumah keluarga pengantin lelaki	355
4.60	Seorang jiran yang membantu memasak juadah pada hari perkahwinan	356
4.61	Konsep Masa dalam Majlis Perkahwinan Masyarakat Melayu	364
4.62	Ahli keluarga yang dapat berkumpul dalam sebuah majlis perkahwinan	366
4.63	Majlis Akad Nikah	371
4.64	Urusan menghantar hidangan diuruskan oleh anak muda kampung	372
4.65	Urusan memasak yang dilakukan oleh kaum lelaki pada waktu malam	373
4.66	Menguruskan kerja mencuci pinggan mangkuk	373
4.67	Kehadiran jurugambar perkahwinan dilihat dalam majlis perkahwinan di salah sebuah hotel	375
4.68	Pengantin lelaki duduk bersebelahan dengan salah seorang anakanda Puteri kepada Sultan Pahang	388



SENARAI LAMPIRAN

- 1 Data Temu Bual Responden - Pengalaman 1
- 2 Data Temu Bual Responden - Pengalaman 2
- 3 Data Temu Bual Responden - Pengetahuan 1
- 4 Data Temu Bual Responden - Adat Perkahwinan
- 5 Data Temu Bual Responden - Adat Perkahwinan (Persiapan Umum)
- 6 Data Temu Bual Responden Pemilihan Tetamu
- 7 Data Temu Bual Responden - Sambut Tetamu
- 8 Data Temu Bual Responden - Acara
- 9 Data Temu Bual Responden - Haptik 1
- 10 Data Temu Bual Responden - Haptik 2
- 11 Data Temu Bual Responden - Haptik 3
- 12 Data Temu Bual Responden - Haptik 4 (Kepentingan)
- 13 Data Temu Bual Responden - Haptik 5 (Kepentingan)
- 14 Data Temu Bual Responden - Proksemiks 1
- 15 Data Temu Bual Responden - Proksemiks 2
- 16 Data Temu Bual Responden - Proksemiks 3
- 17 Data Temu Bual Responden - Proksemiks 4
- 18 Data Temu Bual Responden - Proksemiks 5 (Kepentingan)
- 19 Data Temu Bual Responden - Proksemiks 6 (Kepentingan)
- 20 Data Temu Bual Responden - Kronemiks 1
- 21 Data Temu Bual Responden - Kronemiks 2

- 22 Data Temu Bual Responden - Kronemiks 3
- 23 Data Temu Bual Responden - Kronemiks 4
- 24 Data Temu Bual Responden - Kronemiks 5
- 25 Data Temu Bual Responden - Kesan Globalisasi dan
Pendedahan Media terhadap Kod Komunikasi Bukan Lisan
- 26 Data Temu Bual Responden - Bunga Telur
- 27 Data Temu Bual Responden - Buah Tangan
- 28 Data Temu Bual Jurugambar Perkahwinan (JG) - Umum
- 29 Data temu bual Jurugambar Perkahwinan (JG) - Haptik 1
- 30 Data temu bual Jurugambar Perkahwinan (JG) -Proksemiks 1
- 31 Data temu bual Jurugambar Perkahwinan (JG) -Kronemiks 1
- 32 Data Temu Bual Perancang Perkahwinan (PPk) - Umum
- 33 Data temu bual Perancang Perkahwinan (PPk) - Haptik 1
- 34 Data temu bual Perancang Perkahwinan (PPk) - Proksemiks 1
- 35 Data temu bual Perancang Perkahwinan (PPk) - Kronemiks 1
- 36 Data temu bual Perancang Perkahwinan (PPk)
- Kesan Globalisasi dan Pengaruh Media
- 37 Senarai Semak Nota Lapangan



BAB 1

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan



Sapir (1927, ms. 2) menyebut:

“We respond to gestures with an extreme alertness, and one might almost say, in accordance with an elaborate and secret code that is written nowhere, known by none, and understood by all”.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, adalah didapati bahawa manusia merupakan satu bentuk penciptaan yang boleh bertutur dan pada masa yang sama menggunakan komunikasi bukan lisan untuk menegaskan tentang kepentingan sesuatu perkara yang sedang diperkatakan. Walau bagaimanapun, pada masa-masa tertentu, perlakuan mereka bertentangan dengan apa-apa perkara yang mereka tuturkan. Tambahan pula, kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada komunikasi lisan bagi memahami perasaan manusia.



Oleh yang demikian, kita perlu melihat informasi-informasi lain yang datang daripada bahasa badan (Calero, 2005, ms.3; Miller, 2005).

Komunikasi bukan lisan adalah sebahagian daripada keseluruhan proses komunikasi itu sendiri. Komunikasi bukan lisan ini melibatkan pertukaran maklumat dan informasi melalui pelbagai interaksi yang diwujudkan oleh badan manusia yang boleh difahami oleh orang lain. Komunikasi bukan lisan melibatkan pergerakan tubuh badan yang merangkumi sentuhan (haptik), jarak dan ruang (proksemiks) yang kita cipta sewaktu berinteraksi dengan orang lain. Selain itu, komunikasi bukan lisan juga melibatkan ekspresi wajah, hubungan mata dan parabahasa (paralanguage). Secara definisi komunikasi bukan lisan adalah satu aspek atau cara berkomunikasi yang tidak menggunakan perkataan. Dengan andaian bahawa seseorang itu tidak dapat mengelak daripada tidak berkomunikasi (Watzlawick *et al.*, 1967, ms. 51) dalam Hess (2016) dan semua tingkah laku pada kebanyakan keadaan adalah suatu bentuk ekspresi, maka kesemua tingkah laku yang tidak mengeluarkan perkataan adalah boleh diertikan sebagai komunikasi bukan lisan. (Wiener *et al.*, 1972) dalam Hess (2016).

Dalam budaya Melayu sebagai contoh, komunikasi bukan lisan dapat dikesan sewaktu seorang anak atau remaja melintasi di hadapan orang yang lebih tua. Remaja tersebut menundukkan sedikit badannya dengan tujuan menghormati orang yang lebih tua tersebut. Antara contoh lain yang dapat diberikan di sini dalam konteks budaya Melayu ialah apabila dua orang berjabat tangan, mereka menarik tangan masing-masing lalu diletakkan ke dada sebagai tanda keikhlasan. Justeru, Hall (1990, ms. 28) menyatakan

bahawa budaya adalah tentang komunikasi. Peacock (2001, ms. 6) juga berkongsi pandangan tersebut dengan menyatakan bahasa ‘Culture is shared meaning’ yang bermaksud budaya adalah perkongsian makna. Pandangan Hall dan Peacock itu turut disepakati oleh Wurtz (2005) dan Dahl (2006) yang dipetik dalam Stolan (2015, ms. 13). Mereka menyatakan bahawa untuk memahami makna, seseorang itu perlu melihat dunia melalui cara orang lain melihat dunia. Dengan demikian, kita dapat memahami bagaimana masyarakat memahami budaya mereka melalui ‘frame of experience’.

1.1 Latar Belakang Kajian

Dalam dunia Melayu, elemen seperti adat dan adab adalah amat penting yang menjadi pegangan mereka. Adat adalah tradisi atau amalan, manakala adab adalah perlakuan yang baik. Menurut Mohd Rosli Saludin dan Muhammad Sufi Ahmad Nazri (2020, ms. 24), adab adalah “tingkah laku serta tutur kata yang halus, sopan, budi bahasa dan budi pekerti yang halus”. Oleh yang demikian, menurut mereka lagi adab bererti “perilaku, perbuatan, kesantunan, moral, sopan santun, kesusilaan, kemanusiaan (2020, ms. 24)”. Kedua-dua elemen adat dan adab ini wujud dalam bahasa Arab (Abdullah Alwi Haji Hassan, 2001, ms. 57; Noriati A. Rashid, 2007). Adat menurut Zainal Kling (1996) adalah sesuatu yang boleh dijelaskan sebagai satu bentuk amalan, suatu perlakuan yang ‘dipersembahkan’ dalam kehidupan sekumpulan manusia dan diterima sebagai norma dan di dalamnya terkandung adab atau perlakuan yang baik, iaitu dengan kata lain mempunyai akhlak yang tinggi. Zainal Kling juga memberikan maksud adat sebagai satu titik pertemuan interaksi manusia dengan alam. Adat merupakan satu sistem peraturan, norma dan undang-undang

yang berasaskan alam sekitar. Bersandarkan kepada kedua-dua elemen tersebut, aspek komunikasi bukan lisan yang wujud dalam budaya Melayu perlu didalami dan diperhalusi untuk melihat bagaimana budaya dan komunikasi saling berkaitan. Bagi mendalami hal ini, penyelidik memilih untuk melihat aspek komunikasi bukan lisan yang berlaku dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu di Malaysia. Hal ini dapat membantu pengkaji melihat sendiri bagaimana adat dan adab mempengaruhi komunikasi bukan lisan dalam majlis perkahwinan.

Menerusi pemerhatian yang mendalam kepada dunia Melayu, kita dapat membuktikan bahawa antara upacara yang penting dalam kehidupan dan budaya masyarakat Melayu adalah meraikan majlis perkahwinan. Daripada pengalaman yang dilalui oleh penyelidik sendiri, majlis perkahwinan adalah satu upacara yang menemukan pelbagai golongan manusia dalam satu-satu masyarakat. Dalam acara berkenaan, ahli keluarga dan para jemputan berbual, bertukar-tukar cerita, pandangan dan pengalaman. Semasa upacara berlangsung, adat dan adab menjadi elemen yang paling berharga dan utama yang digunakan bagi memastikan majlis yang dilangsungkan berlaku dalam keadaan harmoni, tertib dan penuh istiadat. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus kepada melihat aspek-aspek komunikasi bukan lisan yang wujud dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Hal ini kerana masih belum banyak kajian yang menjurus kepada komunikasi bukan lisan di dalam budaya Melayu. Tambahan pula globalisasi yang sedang melanda dunia menyebabkan berlaku banyak perubahan kepada elemen-elemen budaya tradisional yang sedang diambil alih oleh budaya yang lebih dominan. Adalah menjadi suatu yang penting untuk kita melihat sejauh mana globalisasi dan pengaruh media berlaku di dalam

negara ini khususnya globalisasi dan pengaruh media terhadap kebudayaan Melayu dari sudut komunikasi bukan lisan yang menjadi fokus kepada kajian ini. Oleh yang demikian, kajian ini melihat aspek komunikasi bukan lisan dalam majlis-majlis perkahwinan Melayu yang menjadi tradisi masyarakat Melayu dan dalam masa yang sama cuba untuk mengenal pasti elemen komunikasi bukan lisan yang telah berubah kesan daripada globalisasi dan modenisasi. Selain itu, terdapat keperluan untuk kita memahami aspek komunikasi bukan lisan yang wujud dalam budaya masyarakat Melayu. Dengan menjalankan kajian ini, hasil yang diperoleh dapat melengkapkan lagi jurang yang wujud dalam memahami komunikasi bukan lisan dalam masyarakat Melayu. Masih ramai dalam kalangan masyarakat yang tidak jelas tentang aspek-aspek yang wujud dalam komunikasi bukan lisan terutama sekali dalam dunia Melayu yang merujuk kepada aspek komunikasi bukan lisan, iaitu haptik, proksemiks dan kronemiks yang dikaji oleh penyelidik.

Untuk mengahwini seorang gadis, ada upacara yang perlu dilalui seperti adat merisik, majlis pertunangan, majlis akad nikah dan seterusnya majlis persandingan (Robani Yusuf, 1984). Upacara yang halus dan penuh adat ini melibatkan pelbagai elemen tradisional. Untuk melaksanakan adat, seseorang itu perlu memahami adab dalam budaya dan setiap individu yang terlibat perlu akur dan patuh kepada ketetapan adat dan juga adab. Selain itu, memahami adab juga adalah penting bagi menunjukkan bahawa seseorang itu benar-benar memahami budaya dan melalui tingkah laku menggambarkan kefahaman berkenaan. Sebagai contoh, apabila seorang lelaki mahu merisik atau meminang seorang gadis, pendekatan yang digunakan mestilah menghormati ahli keluarga gadis berkenaan secara beradab dan beradab, iaitu dengan menghantar wakil bersama dengan sebarang

cincin sebagai simbol untuk menjalinkan ikatan. Pertuturan dan simbol-simbol dalam budaya digunakan sebagai pelambangan kepada adab dalam adat. Penggunaan simbol-simbol tradisional, menurut Leeds-Hurwitz (1993), Hall (1990), Peacock (1986) adalah menekankan kepada budaya sebagai satu alat komunikasi.

Sekali lagi, penyelidik menekankan bahawa fokus kepada kajian ini adalah untuk melihat komunikasi bukan lisan dalam masyarakat Melayu, terutama sekali yang melibatkan ritual dan upacara dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Dalam kajian ini memperlihatkan elemen-elemen komunikasi bukan lisan yang meliputi haptik (sentuhan), proksemiks (jarak) dan kronemiks (penggunaan masa). Lebih penting lagi apabila perilaku masyarakat Melayu adalah sebuah perilaku budaya yang dilapisi dengan adat dan adabnya yang tersendiri. Calero (2005, ms. 3) menjelaskan bahawa semasa manusia bertutur, mereka sering menyatakan perkara yang mempunyai makna atau maksud yang tersembunyi. Hal ini menyebabkan berlaku kekeliruan dan kesilapan membuat interpretasi dan akhirnya menyebabkan hubungan menjadi terjejas. Ini turut dijelaskan oleh Liu, Volcic dan Gallois (2019). Oleh sebab itu, wajar untuk kita memahami komunikasi bukan lisan dengan tepat.

Dalam dunia globalisasi masa kini, adat dan budaya masih diamalkan. Namun, wujud kerisauan dalam pemikiran-pemikiran pemikir budaya apabila melihat fenomena yang sedang melanda negara terutama sekali apabila melihat kemasukan elemen-elemen budaya asing ke dalam negara yang semakin menjadikan rakyat di negara ini, terutama sekali masyarakat Melayu semakin terdedah, berubah dan terikut-ikut dengan penampilan



diri yang lebih kebaratan. Malah, majlis perkahwinan juga sudah mula dimasuki elemen-elemen barat seperti majlis perkahwinan yang bertemakan barat, mengandungi unsur-unsur kebaratan yang jelas. Tidak dinafikan bahawa adalah menjadi hak mereka yang berkahwin untuk meraikan hari bahagia mereka mengikut cita rasa mereka yang tersendiri, namun dikhuatiri budaya Melayu menjadi semakin mengecil dihipit oleh budaya Barat yang lebih dominan terutama sekali dalam dunia moden ini. Sehubungan itu, adalah wajar satu kajian dijalankan untuk melihat bagaimana komunikasi bukan lisan khususnya haptik, proksemiks dan kronemiks dalam adat majlis perkahwinan Melayu digunakan. Selain itu, kajian ini juga memperlihatkan sama ada wujud perubahan-perubahan komunikasi bukan lisan seperti haptik, proksemiks dan kronemiks yang mungkin sudah lagi tidak seiring dengan adat dan adab dalam budaya masyarakat Melayu.



Setiap bangsa di dunia ini tidak terkecuali daripada memiliki gaya hidup mereka yang tersendiri dan hal ini juga turut menjurus kepada komunikasi bukan lisan yang melibatkan aspek haptik, proksemiks dan kronemiks di dalam kehidupan mereka. Namun apa yang membezakan mereka dengan bangsa Melayu adalah kefahaman mereka dengan ketiga-ketiga aspek tersebut tentu sekali berbeza atas dasar falsafah kehidupan mereka yang dilatari alam masing-masing. Dalam kalangan masyarakat Cina di negara China sebagai contoh, mereka mengelak daripada melakukan kontak mata yang berterusan semasa mengadakan perbincangan bertujuan bagi menghindari konflik.



1.2 Penyataan Masalah

Komunikasi bukan lisan di negara ini masih tidak banyak dikaji dan didalami khususnya dalam ruang lingkup budaya Melayu. Khazanah bangsa Melayu khususnya dalam adat istiadat banyak sebenarnya menggunakan elemen-elemen komunikasi bukan lisan termasuklah penggunaan simbol-simbol adat dalam sesuatu ritual. Kajian komunikasi bukan lisan juga tidak luas diperincikan terutama sekali dalam hal yang melibatkan sosiobudaya masyarakat Melayu. Kebanyakan kajian yang dijalankan adalah ringkas dengan mengambil kira perspektif penyelidik dengan bentuk kajian yang menjurus kepada amalan tertentu mahupun kelompok tertentu. Antara kajian yang pernah dijalankan yang merujuk kepada aspek komunikasi bukan lisan adalah seperti yang dijalankan oleh Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2003a, 2003b), Norhuda Salleh (2017) dan Abdul Muati Amad, Arbai'e Sujud, dan Hamisah Zaharah Hasan (2007). Kajian yang dijalankan oleh Abdul Rahman Ahmad Hanafiah (2003b) merujuk kepada aspek komunikasi bukan lisan yang menekankan kepada penggunaan simbol dan ritual yang berlaku dalam proses sebuah perkahwinan itu dijalankan. Dalam kajian yang beliau jalankan jelas menunjukkan bagaimana simbol dan ritual tertentu dilakukan sebagai memenuhi proses dalam sebuah adat perkahwinan. Walau bagaimanapun, beliau tidak membincangkan tentang aspek komunikasi bukan lisan seperti haptik, proksemiks dan kronemiks yang juga sebenarnya boleh diperhatikan semasa adat perkahwinan berlangsung. Manakala bagi Norhuda Salleh (2017) pula, beliau turut membincangkan ritual dan simbol dalam adat perkahwinan Melayu. Seperti Abdul Rahmad Ahmad Hanafiah (2003b), Nurhuda Salleh juga dalam kajiannya tidak menyentuh apa-apa isu yang berkaitan haptik, proksemiks dan kronemiks

dalam majlis perkahwinan Melayu tersebut. Abdul Muati Amad, Arbai'e Sujud dan Hamisah Zaharah Hassan (2007) pula melihat aspek proksemiks dari sudut arkitektur Melayu yang jelas sekali membincangkan tentang hal seni bina Melayu. Dapat dikatakan kajian oleh Abdul Muati Ahmad, Abai'e Suju dan Hamisah Zaharah Hassan ini ada membincangkan elemen proksemiks namun terhad kepada bentuk dan seni bina Melayu namun tidak menyentuh tentang proksemiks dari sudut tingkah laku bukan lisan yang menjurus kepada individu. Oleh yang demikian, wujud kelompongan dalam melihat aspek-aspek komunikasi bukan lisan dalam budaya Melayu khususnya yang melibatkan tiga kod komunikasi bukan lisan, iaitu haptik, proksemiks dan kronemiks dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu yang kaya dengan tradisi dan ritualnya.

Teori barat yang diperkenalkan oleh Hall (1966) secara umumnya digunakan dalam kajian seperti ini namun demikian teori tersebut banyak membincangkan aspek komunikasi bukan lisan tersebut menurut sudut pandang sarjana barat. Sehubungan itu, adalah penting bagi kajian ini melihat bagaimana sebenarnya kod-kod komunikasi bukan lisan itu digunakan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu serta pada masa yang sama mengenal pasti kepentingan kod-kod berkenaan dalam adat yang diamalkan. Haptik, proksemiks dan kronemiks menjadi permasalahan kajian ini atas faktor kurangnya kajian yang dijalankan ke atas ketiga-tiga kod komunikasi bukan lisan tersebut seperti mana yang telah dijelaskan di atas.

Selain itu, kajian ini yang menjurus kepada komunikasi bukan lisan dalam adat perkahwinan Melayu pastinya dapat menjelaskan perbezaan yang berlaku dalam adat

tersebut khususnya akibat daripada faktor globalisasi yang melanda serta pendedahan kepada media yang semakin meningkat kerana budaya umumnya bersifat dinamik dan kedinamikan tersebut cukup untuk penyelidik melihat sama ada faktor globalisasi dan media turut merubah elemen-elemen komunikasi bukan lisan tradisional atau sebaliknya.

Malaysia pada masa kini telah menjadi sebuah negara yang moden dan berkembang pesat. Oleh yang demikian, keperluan untuk menggunakan teknologi komunikasi maklumat untuk menyebarkan maklumat dengan lebih cepat menjadi penting. Semua mod komunikasi diperkenalkan kepada masyarakat untuk mendidik masyarakat melalui teknologi yang berkembang pesat ini. Tetapi seperti yang diperhatikan oleh Jamie Metzl (1997 dalam Bures & Dumitru, 2003), media massa tidak hanya menjangkau rumah orang, tetapi juga fikiran mereka, membentuk pemikiran mereka dan kadang-kadang tingkah laku mereka. Media, melalui programnya, telah berjaya mempengaruhi minda penonton untuk menyesuaikan diri dan mengaplikasikan apa yang mereka lihat di televisyen dengan kehidupan sebenar mereka. Huesmann, Moisc-Titus, Podolski dan Eron (2003) telah menerangkan empat syarat pembelajaran yang menunjukkan bahawa kanak-kanak kecil yang menonton televisyen ganas cenderung meniru kata-kata dan tingkah laku yang diperhatikan, memperoleh sikap dan kepercayaan yang disaksikan dan terbiasa bertindak balas secara emosional, iaitu: (saya) reaksi emosi terhadap situasi, tanda-tanda, gambar, atau fenomena lain; (2) skema kognitif mengenai persekitaran sekitarnya; (3) skrip sosial untuk panduan tingkah laku; dan (4) kepercayaan normatif mengenai tingkah laku yang sesuai. Berdasarkan kajian tersebut, adalah dipercayai pendedahan dan pengaruh media memberi kesan kepada pemikiran manusia. Sesuai dengan situasi seperti ini, pengaruh

media dan pendedahan gaya hidup moden terutamanya yang berasal dari Barat wajar ditapis. Ketiadaan tapisan yang mantap boleh menyebabkan golongan yang paling mudah terdedah, iaitu remaja pada usia yang lebih muda kini bebas meniru gelombang budaya baru yang mereka rasa sesuai dengan keperibadian mereka (Charsley, 1992; Leeds-Hurwitz, 2002).

Dalam hal ini, salah satu faktor yang turut mendorong kajian ini dijalankan adalah disebabkan kadar kes perzinaan yang berlaku akibat daripada hubungan yang tiada batasan terutamanya dalam kalangan remaja (Kamarul Azmi Jasmi, 2017). Banyak terjadi apabila remaja yang berbeza jantina bebas bergaul, berpegang tangan, melakukan sentuhan-sentuhan atau haptik serta proksemiks yang akhirnya merangsang jiwa mereka untuk mencuba sesuatu yang diharamkan dalam Islam. Selain itu, antara perkara yang membimbangkan adalah apabila Shamsuriani Md Jamal (dalam Intan Mas Ayu, 2017) dalam satu laporan berita Harian Metro mendedahkan bahawa penduduk Malaysia antara yang teramai di dunia yang menonton pornografi di Internet. Beliau turut menjelaskan dalam kajian yang dijalankan pada tahun 2015 dan 2016 kepada remaja berumur 13 hingga 17 tahun, adalah didapati 80 peratus remaja terjebak dalam pornografi. Che Su Mustaffa & Nan Zakiah Megat Ibrahim (2014) dalam kajian mereka pula menegaskan bahawa ibu bapa perlu memainkan peranan memastikan anak-anak mereka tidak terdedah dengan perlakuan-perlakuan yang berasal dari barat yang bertentangan dengan nilai Melayu dan agama Islam. Dalam kajian di barat, kebanyakan remaja bersikap terbuka dan bahkan mempamerkan keintiman dalam hubungan itu adalah keinginan untuk mempamerkan cinta mereka dan yang lebih penting, bukan hanya mereka, tetapi banyak lagi yang melakukan

hal yang sama perkara, sama ada di taman atau di tempat awam. Mosby (1978 dipetik dalam Remland, Jones & Brinkman, 1991, ms. 221) juga telah menunjukkan bahawa orang yang lebih muda melaporkan lebih banyak keterlibatan dalam menyentuh dan disentuh daripada orang yang lebih tua. Ini mungkin disebabkan oleh rasa ingin tahu dan keperluan untuk meneroka hasrat mereka. Oleh yang demikian, kajian ini dapat merungkai permasalahan tersebut dengan melihat sendiri tingkah laku haptik dan proksemiks yang wujud di khalayak ramai semasa adat perkahwinan dilangsungkan.

Satu perkara lagi yang turut menjadi permasalahan yang wajar diberikan perhatian adalah tentang fungsi masa atau kronemiks dalam masyarakat Melayu. Dalam satu kajian yang dijalankan oleh Aida Hafitah Mohd Tahir and Maimunah Ismail (2007) menjelaskan bahawa isu yang sering dihadapi oleh golongan ekspatriat atau pekerja asing profesional semasa berurusan dengan masyarakat di Malaysia adalah sikap masyarakat terhadap masa. Mereka lebih santai dan kurang mementingkan masa kerja yang pantas untuk mencapai produktiviti. Hal ini menyebabkan golongan pekerja asing sering menghadapi masalah semasa menjalankan tanggungjawab mereka sebagai pengurus di sesebuah organisasi. Malah mereka turut berhadapan masalah kelewatan apabila berurusan dengan pejabat kerajaan seperti imigresen bagi menyelesaikan isu yang berkaitan permit kerja, visa dan sebagainya. Hal ini kerana pegawai yang bertugas ‘mengambil masa sendiri’ atau “*is taking his own time*” untuk menyelesaikan satu-satu urusan. Hal ini telah diperjelaskan oleh Asma (1996b) bahawa “*There is an obvious difference in perception of time by Malaysian and the expatriates. The former tends to do their work at their own time and more relaxed. Malaysia is regarded as a polychronic society where they perceive time as less tangible*

and thus, several things can happen at one time,” (dalam Aida Hafitah Mohd Tahir and Maimunah Ismail, 2007, ms. 88). Berdasarkan kepada petikan tersebut, adalah penting untuk melihat permasalahan ini dari satu sudut yang dapat menjelaskan tentang fungsi masa atau kronemiks dalam masyarakat Melayu.

Dapatlah disimpulkan bahawa setiap daripada kita adalah anggota lebih daripada satu budaya. Jantina kita, tempat tinggal kita, tempat asal kita, tempat kita bekerja, tempat sekolah kita, tempat beribadat kita, dan banyak lagi (Lin & Kinzer, 2003, ms. 234 -242.) mempengaruhi tingkah laku kita. Apa yang dapat diterima dalam satu budaya, seperti di sekolah, mungkin tidak dapat diterima dalam budaya lain.

1.3 Objektif Kajian

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, kajian ini melihat aspek-aspek komunikasi bukan lisan dalam masyarakat Melayu dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam aspek berkenaan. Manakala secara khususnya, kajian ini melihat kepada objektif kajian seperti yang berikut:

- i. Untuk mengenal pasti penggunaan haptik, proksemiks, dan kronemiks dalam komunikasi bukan lisan yang digunakan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Perak masa kini.
- ii. Untuk menganalisis kepentingan penggunaan haptik, proksemiks, dan kronemiks dalam komunikasi bukan lisan yang digunakan oleh masyarakat Melayu dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Perak masa kini.

- iii. Untuk menghuraikan faktor globalisasi dan media yang mempengaruhi perubahan kepada haptik, proksemiks, dan kronemiks dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Perak masa kini.

1.4 Soalan Kajian

Bagi memastikan objektif-objektif kajian ini tercapai, berikut adalah soalan kajian yang digunakan bagi memperoleh maklumat-maklumat yang berkaitan dengan kajian ini seperti yang berikut:


- i. Bagaimanakah bentuk penggunaan kod komunikasi bukan lisan haptik, proksemiks, dan kronemiks yang digunakan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Perak?
- ii. Bagaimanakah kod komunikasi bukan lisan haptik, proksemiks, dan kronemiks memberi kepentingan dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Perak?
- iii. Bagaimanakah faktor globalisasi dan media yang mempengaruhi perubahan haptik, proksemiks dan kronemiks dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu Perak?



1.5 Kerangka Konseptual Kajian

Kerangka konseptual yang dibina dan dikongsikan di bawah dapat menerangkan tentang fokus kajian yang merangkumi tiga teori yang menjadi dasar kepada kajian ini, iaitu haptik, proksemiks dan kronemiks dalam adat perkahwinan Melayu Perak. Seterusnya, dilihat dari segi penggunaan dan kepentingan ketiga-tiga kod komunikasi bukan lisan tersebut. Setelah itu, globalisasi dan pengaruh media turut dijadikan fokus bagi melihat sekiranya wujud perubahan ke atas tingkah laku haptik, proksemiks dan kronemiks melalui kajian yang dijalankan ini. Daripada analisis tersebut, dapatlah dikenal pasti tingkah laku haptik, proksemiks dan kronemiks daripada kajian yang telah dijalankan ini.





1.6 Kepentingan Kajian

Kepentingan memahami komunikasi bukan lisan dalam budaya Melayu ini amat penting kerana masih kurang kajian yang dibuat berfokuskan kepada aspek ini. Sebagai contoh, Levi-Strauss (2009), Fiske et al. (1992, ms. 121) dan Mintz, Sidney dan Du Bois (2002) menyatakan bahawa makanan dan masakan juga adalah sebuah proses budaya yang penting untuk dilihat dan difahami dalam konteks sesebuah komuniti. Kajian ini menjadi lebih penting apabila dunia mengalami perubahan akibat daripada kesan modenisasi dan globalisasi yang menjadikan dunia ini sebagai sebuah perkampungan (Bonaccio, O'Reilly, Sullivan dan Chiochio, 2016). Malah lebih menarik lagi apabila penyelidik mendapati bahawa globalisasi ini menyebabkan tingkah laku manusia juga berubah, sebagai contohnya kelompok manusia yang memiliki status sosial yang tinggi atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian yang dijalankan bagi melihat kewujudan elemen-elemen ini terutama sekali dalam budaya Melayu. Untuk menjadikan sesuatu tingkah laku itu adalah benar-benar asli, Goffman (1990, ms. 28) berpandangan bahawa manusia dikehendaki untuk mempercayai karakter seseorang berdasarkan penampilan yang dimiliki oleh seseorang. Oleh sebab itulah, kajian ini melihat masyarakat Melayu melalui sempadan budaya dan hirarki yang wujud di dalamnya. Ada banyak aspek yang boleh dikaji seperti pakaian, haptik (sentuhan), proksemiks (jarak dan ruang), kronemiks (masa), malah makanan juga boleh menjadi sebahagian daripada aspek komunikasi bukan lisan dalam masyarakat Melayu.

1.6.1 Perubahan dalam adat dan adab

Oleh yang demikian, penyelidik bercadang untuk melihat bagaimana komunikasi bukan lisan berlangsung dalam adat perkahwinan masyarakat Melayu yang melibatkan haptik, proksemiks dan kronemiks yang digunakan dalam adat istiadat tersebut. Melalui kaedah penglibatan-pemerhatian (*participant-observation*) dalam majlis-majlis perkahwinan, penyelidik berupaya untuk meneroka aspek komunikasi bukan lisan yang berlaku secara natural dalam dunia masyarakat Melayu dan pada masa yang sama dapat mempelajari dan menyelidiki tentang perubahan-perubahan yang berlaku kepada adat dan adab masyarakat Melayu dalam era globalisasi ini seperti mana yang dijelaskan oleh Norazit Selat (2001) tentang adat Melayu.

1.6.2 Manfaat kepada budayawan dan aktivis masyarakat

Hasil daripada kajian ini nanti boleh dimanfaatkan oleh ramai sarjana yang mahu mengkaji sendiri bagaimana aspek komunikasi bukan lisan menjadi satu elemen penting dalam alam Melayu yang tinggi dari aspek budaya dan disenaraikan oleh Hofstede dan Bond (1984) sebagai negara yang mengamalkan budaya konteks tinggi. Hasil kajian ini juga dapat menjelaskan kepada pembaca tentang bagaimana elemen yang dikaji ini menjadi sebahagian daripada teras masyarakat Melayu terutama sekali dalam mempertahankan adat (Zainal Abidin Borhan, 2004). Dalam dunia globalisasi yang penuh dengan cabaran ini, adalah amat penting untuk penyelidik mengumpulkan ilmu berkaitan komunikasi bukan

lisan dalam masyarakat Melayu supaya kajian ini menjadi satu himpunan data yang dapat digunakan bagi menjelaskan lagi fenomena-fenomena yang berlaku dalam dunia Melayu.

1.6.3 Kajian lanjut dalam bidang komunikasi bukan lisan

Dengan mendalami aspek komunikasi bukan lisan, jelas sekali lebih banyak kajian perlu dijalankan ke atas elemen-elemen lain dalam komunikasi bukan lisan yang tidak disentuh oleh kajian ini. Antara aspek komunikasi bukan lisan yang boleh dijadikan sandaran untuk kajian berikutnya adalah budaya konteks tinggi atau rendah dan gerak badan (body gesture), simbol-simbol dan artifak dalam ritual masyarakat Melayu. Menurut Beck, Bennet dan Wall (2005, ms. 168), walaupun manusia menggunakan komunikasi lisan untuk berinteraksi, komunikasi bukan lisan menyediakan maklumat antara 65 – 90 peratus semasa manusia berinteraksi. Oleh yang demikian adalah penting untuk kita memahami komunikasi lisan dan dalam masa yang sama menggunakan kemahiran yang kita miliki untuk memahami makna-makna yang disalurkan melalui komunikasi bukan lisan. Dalam definisi ringkas yang diberikan oleh Devito (1989, ms. 3), beliau menerangkan bahawa komunikasi bukan lisan ialah komunikasi tanpa perkataan. Devito (1989) menjelaskan bahawa komunikasi bukan lisan turut merangkumi tona suara, kadar suara, kelantangan dan kenyaringan (pitch) yang memberi makna kepada sesebuah komunikasi yang berlangsung. Ini bermaksud, apabila seseorang itu berkomunikasi, adalah penting untuk kita meneliti kedua-dua aspek lisan dan bukan lisan semasa interaksi berlangsung.

Calero (2005, ms. 3) menjelaskan bahawa melalui kedua-dua saluran berkenaanlah kita dapat memahami perkara yang disampaikan dengan tepat. Beck, Bennet dan Wall (2005) turut menambah, oleh sebab komunikasi bukan lisan adalah terikat dengan budaya, kita dapat melihat perbezaan budaya dan kewarganegaraan semasa kita berinteraksi. Ini dijelaskan oleh Hall (1990, ms. 77) bahawa “It is a necessity to understand and accept the formal systems of other peoples first in order to work effectively with them.” Matsumoto (2001) juga menjelaskan bahawa pemahaman terhadap budaya dan masyarakat amat penting agar tidak berlaku salah faham semasa berkomunikasi. Pandangan yang sama oleh Radiah Yusof, Nor’Aini Ismail & Norazilah Buhari (2006) turut ditekan oleh mereka bertiga.

Ambady dan Hallahan (2002) turut menyatakan bahawa komunikasi bukan lisan dalam sesebuah budaya itu adalah sebahagian daripada identiti bangsa tersebut. Oleh sebab wujudnya perbezaan budaya, maka adalah penting untuk kita mengetahui dan mempelajari komunikasi lisan dan bukan lisan dalam sesebuah budaya supaya mesej yang disampaikan dapat difahami dengan baik bersandarkan perimeter yang wujud dalam budaya tersebut. Pandangan mereka ini turut disokong oleh Calero (2005, ms. 119).

Dapatlah dirumuskan bahawa kajian ini dapat membantu memperkembangkan lagi kesungguhan para sarjana dan pencinta budaya untuk mendalami budaya Melayu yang penuh dengan adat dan tradisi namun dengan mengambil pendekatan atau perspektif yang jarang diteroka sebelum ini, iaitu dalam bidang komunikasi bukan lisan. Adalah diharapkan kajian ini dapat membuka mata lebih ramai sarjana untuk menghargai budaya

Melayu malah pihak berwajib boleh membuka lebih banyak peluang agar geran kewangan boleh disediakan kepada para pengkaji yang berminat dalam usaha memelihara adat budaya bangsa Melayu agar tidak hilang begitu sahaja. Malah kajian ini boleh dibukukan dan dijadikan modul untuk didedahkan kepada masyarakat di negara ini dan di peringkat antarabangsa.

1.7 Batasan Kajian

Penyelidik memilih tajuk ini bagi melihat sendiri elemen komunikasi bukan lisan dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu terdiri daripada pelbagai etnik dan suku seperti Jawa, Mandailing, Minang, Kerinci dan pelbagai lagi, namun kajian ini mengambil definisi

Perkara 160 (2) Perlembagaan Persekutuan, "Orang Melayu" ertinya seseorang yang menganuti agama Islam, lazim bercakap bahasa Melayu, menurut adat Melayu dan—

- (a) yang lahir sebelum Hari Merdeka di Persekutuan atau Singapura atau yang lahir sebelum Hari Merdeka dan ibu atau bapanya telah lahir di Persekutuan atau di Singapura, atau yang pada Hari Merdeka berdomisil di Persekutuan atau di Singapura; atau
- (b) ialah zuriat seseorang yang sedemikian;

(Federal Constitution, Kuala Lumpur: ILBS, p.198.)

Berdasarkan kepada perlembagaan tersebut, kajian ini mengguna pakai takrifan Melayu dalam kajian ini seperti yang telah dinyatakan di dalam undang-undang utama negara. Ahmad Dahlan (2017) mentakrifkan makna Melayu sebagai sebuah rumpun bangsa yang besar bersifat kolektif. Beliau menjelaskan bahawa orang Melayu itu telah lama bermastautin di kawasan Tanah Melayu seperti kepulauan Riau, wilayah Riau,

Malaysia, Singapura dan sudah memiliki identiti Melayu seperti pakaian, makanan dan majlis-majlis keraian yang beridentitikan kebudayaan Melayu. Dapatan beliau ini turut disokong oleh Andaya. (2001). Hanisa Hassan (2014) pula menerangkan bahawa istilah Melayu itu luas maknanya, iaitu merujuk kepada wilayah dan tempat dan bukan etnik. Sehubungan itu, kajian ini memfokuskan kepada masyarakat Melayu yang ditakrifkan melalui perlembagaan Malaysia dan yang dibincangkan oleh para sarjana seperti A. Aziz Deraman (2015, 2003), Sidek Baba (2020), Mohammad Redzuan Othman (2012), Khoo Kay Kim (2001), Metzger (2007) dan Milner (2008). Jenkins (2004) dalam bukunya, *Social Identity* dapat menerangkan bahawa sesebuah bangsa itu terbina dalam bentuk individualiti, interaksi dan institusi. Ini bermakna, Melayu itu terbina atas jati diri individu yang bergelar Melayu, berinteraksi dalam lingkungan budaya dan masyarakatnya serta membina ketamadunannya dalam bentuk institusi yang dikenali. Oleh yang demikian, bangsa Melayu dipilih dalam kajian ini bagi memperlihatkan kekayaan bangsa Melayu dari sudut adat dan tingkah laku serta elemen yang mempengaruhi kehidupan mereka.

Dalam membicarakan perkahwinan Melayu, suatu perkara yang paling dekat adalah majlis atau upacara ini melibatkan ahli keluarga dan sahabat terdekat, maka terdapat batasan yang perlu penyelidik ambil perhatian terhadap isu ini. Batasan kajian ini termasuk kepada perkara-perkara berikut seperti penyelidik perlu mendapatkan kebenaran pihak yang mengadakan majlis tersebut sebelum boleh menjalankan sebarang kajian atau rakaman dalam majlis yang diadakan. Selain itu, faktor tempat kajian menjadi sebahagian daripada limitasi untuk kajian ini. Hal ini kerana, jika pihak keluarga tidak mengizinkan penyelidik menggunakan majlis mereka sebagai bahan kajian, penyelidik perlu



memikirkan untuk mencari pihak lain untuk memenuhi kaedah kajian ini. Hanya beberapa kawasan di daerah Kinta di negeri Perak dijadikan kawasan untuk menjalankan kajian. Hal ini diputuskan kerana kesukaran untuk mendapatkan data kerana sifat majlis perkahwinan yang bersifat eksklusif dan tertumpu kepada keluarga serta sahabat terdekat, maka pendekatan ini terpaksa dibuat. Selain itu, oleh sebab majlis perkahwinan masyarakat Melayu sering kali diadakan pada waktu cuti sekolah yang panjang, atau berlangsung semasa cuti perayaan atau dilangsungkan pada waktu cuti hujung minggu. Keadaan ini menyebabkan penyelidik perlu bersedia untuk mendapatkan kebenaran lebih awal daripada pihak keluarga yang mengadakan majlis perkahwinan tersebut. Sekiranya persediaan awal tidak dibuat, penyelidik sukar mendapatkan lokasi untuk menjalankan kajian ini. Walaupun demikian, penyelidik turut menekankan faktor etika semasa menjalankan kajian ini seperti yang disarankan oleh Beauchamp, Fadden, Wallace dan Walters (1982) dan Orb, Eisenhauer dan Wynaden (2000). Oleh yang demikian, penyelidik harus mendapatkan keizinan daripada pihak yang mengadakan majlis perkahwinan serta menjelaskan tujuan kajian beserta kesediaan pihak tersebut membenarkan semua catatan dan gambar yang direkodkan dijadikan bahan dalam kajian ini.



1.8 Definisi Istilah dan Operasional

Beberapa maklumat berkaitan definisi istilah dan operasional yang digunakan dalam kajian ini diperjelaskan dengan lebih lanjut di dalam bahagian ini.

1.8.1 Haptik (Sentuhan)

Haptik adalah istilah teknikal untuk apa dan bagaimana sentuhan berkomunikasi (Riggio, & Feldman, 2014; Remland, Jones & Brinkman, 1991). Tingkah laku menyentuh merupakan aspek asas komunikasi bukan lisan. Kita menggunakan tangan kita, lengan kita, dan bahagian-bahagian badan yang lain untuk tepuk, peluk, menampar, mencium, mencubit, memegang, memeluk, dan menggelitik orang lain. Setiap individu berbeza dalam tingkah laku haptik dan mereka juga memberikan reaksi yang berbeza apabila tingkah laku haptik dilakukan ke atas mereka. Dengan kata lain, penerimaan setiap individu terhadap sentuhan orang lain yang dilakukan ke atas individu tersebut pasti menerima reaksi berbeza. Seseorang suka untuk menyentuh orang lain dan disentuh oleh orang lain. Bagaimana kita mentafsirkan sentuhan sesuai dan tidak sesuai berbeza bukan sahaja di kalangan individu tetapi juga berbeza dengan budaya, jantina dan gender (Verderber & Sellnow, 2010). Terdapat kajian yang menyatakan bahawa sentuhan mempunyai nilai yang berkekalan. Pernyataan tersebut disokong oleh Benjamin dan Werner (2004; dipetik dalam West & Turner, 2009, ms. 165) yang menyatakan bahawa sentuhan manusia mampu mengubah fungsi badan. Manusia memerlukan sentuhan dalam kehidupan seharian dan manusia boleh sakit atau mungkin boleh mati jika kekurangan

sentuhan. *“Human touch can completely change the way the body functions. From your heart rate to your blood pressure to the efficiency of your digestive system, welcomed touch can make your body work better. Humans need touch. We crave it, we hunger for it, and we get sick and can even die from the lack of it. (ms. 30, 31)”*

Sentuhan melibatkan perasaan sama ada gembira, sedih, marah dan lain-lain. Sentuhan juga boleh mewujudkan kesan positif dan negatif mengikut budaya dalam sesebuah negara. Hal ini kerana setiap budaya di sesebuah negara menganggap bahawa perbuatan menyentuh adalah baik dan ada sesetengah negara menganggapnya tidak baik. Sentuhan juga merupakan komunikasi bukan lisan yang berlaku secara tidak langsung dalam kehidupan seharian. Berdasarkan pernyataan daripada Griffin dan Bone (2014); Ambady dan Hallahan (2002), haptik merujuk kepada belajar untuk berkomunikasi melalui sentuhan. Penyelidikan menunjukkan pentingnya sentuhan dalam mewujudkan fizikal dan psikologi bayi dan kanak-kanak yang sihat (Field et al. 1986). Sentuhan juga penting dalam mengekalkan hubungan pada kemudian hari. Jumlah sentuhan yang diperuntukkan dalam hubungan mungkin berbeza, bergantung kepada tahap hubungan jantina dan pemula. Guerrero dan Andersen (1994) melaporkan bahawa pasangan suami isteri menyentuh dengan kekerapan yang paling besar dan pasangan kekasih kurang kerap menyentuh. Dalam hubungan yang panjang dan serius, wanita cenderung untuk memulakan sentuhan selepas perkahwinan. Walau bagaimanapun, lelaki lebih suka untuk memulakan sentuhan pada peringkat permulaan hubungan (Guerrero & Andersen, 1994). Pada peringkat awal, pasangan akan bersentuhan sedikit sahaja dan sentuhan tersebut akan menjadi lebih selesa semasa hubungan pasangan tersebut menjadi lebih kukuh (Guerrero & Andersen, 1994).

Sesetengah orang mempunyai keinginan dan keperluan untuk menyentuh seseorang itu atau disentuh oleh orang lain, tetapi kita kadang-kadang mempunyai kecenderungan untuk mengelakkan diri daripada disentuh oleh sesetengah orang dalam sesetengah situasi (McDaniel dan Andersen, 1998). Peraturan yang mentadbir sentuhan budaya dan sosial adalah keadaan dan berbeza dalam budaya. Tingkah laku menyentuh juga mungkin berubah dari masa ke masa disebabkan oleh pendedahan kepada norma lain (Buck, 1983). Contohnya, pemerhatian menyentuh dan pengalaman secara langsung dengan norma-norma budaya lain di tempat kerja dan budaya media massa (Jackson, 2014). Haptik ini merangkumi pelbagai peringkat sentuhan yang membawa pelbagai jenis simbol profesional dalam isyarat yang berbeza seperti hubungan sosial antara rakan sepejabat yang juga rakan akrab dalam persahabatan ataupun hubungan intim dalam kalangan pasangan suami isteri yang bekerja di sebuah organisasi yang sama namun perlu mempamerkan perilaku profesional semasa menjalankan tugas dan mengelak daripada berkelakuan intimasi semasa waktu bekerja. Salah faham akan berlaku dalam budaya yang berbeza disebabkan perbezaan fahaman terhadap sesuatu sentuhan (Kelm & Victor, 2017).

1.8.2 Proksemiks (Jarak dan Ruang)

Memetik kata-kata Hall (1990, ms.161), “*Thousand of experiences teach us, that space communicates*”, jelas menggambarkan bahawa perlakuan manusia yang berkaitan dengan penggunaan jarak dan ruang adalah sebahagian daripada cara manusia berkomunikasi. Menurut Hogan (2005, ms.78),

“The study of personal space and how human use distance in general is called proxemics. The term “proxemics” was first used in 1963 by an anthropologist and researcher named E.T. Hall, who was fascinated with how people communicate nonverbally using spatial relationships and territory. Through his research he demonstrated and defined four areas of space relevant to proxemics which is intimate space, personal space, social space, and public space.”

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, proksemiks ialah penggunaan jarak dan ruang untuk menyampaikan mesej (Buller, 1987). Proksemiks menerangkan perkara berkaitan bagaimana seseorang menetapkan jarak untuk berhubung dan bagaimana seseorang menetapkan ruang yang khusus dalam budaya dan kebiasaannya untuk berkomunikasi. Menurut Dorin Chira (2014) dan Agnus (2012), proksemiks ditakrifkan sebagai penggunaan dan persepsi ruang sosial dan peribadi seseorang. Kelakuan proksemiks menjadi medan penting dalam kajian kerana ia meluaskan penyelidikan dalam bidang komunikasi bukan lisan. Manakala menurut Halim dan Rudy (2005, ms.186), proksemiks adalah jarak antara manusia yang dianggap paling menyenangkan untuk melakukan interaksi sosial. Selain itu, hubungan seseorang dengan orang lain dapat dinilai dengan memerhatikan jarak mereka berkomunikasi antara satu sama lain. Setiap orang mempunyai tempat atau ruang tersendiri terutama di dalam kelas semasa belajar, meskipun ruang tersebut bukan ditetapkan namun apabila terdapat seseorang yang lain duduk di ruang tersebut individu terbabit merasakan bahawa ruangnya telah dicerobohi. Menurut Knapp dan Hall (2006, ms. 138), proksemiks membantu mengawal selia interaksi sosial, namun proksemiks boleh menimbulkan konflik sosial. Ballendat et al. (2010) mengatakan,

“It describes how people perceive interpret and use distance, posture, and orientation to mediate relations to other people, and to fixed (immobile) and semi-fixed (morable) features in their environment. Proxemics theory correlates physical distance with social distance (albert in culturally dependent manner): intimate:


0-18inch, personal: 18inch - 4feet, social 4 feet – 12 feet and public 12 feet – 25 feet distances. As the terms suggest, the distances lend themselves to a progression of interactions ranging from highly intimate to personal to social and then to public. Each distance also defines a close and for phrase that affect that interaction”.

Menurut Wood (2006, ms. 160), “*Proxemics is space and how we use it. Every culture has norms for using space and for how close eople should be to one another*”.

Douglas (2008, ms. 262) menjelaskan bahawa proksemiks merupakan sebuah kategori komunikatif yang penting. Setiap kebudayaan memiliki gaya yang berlainan mengenai jarak yang boleh diterima. Hall dipetik dalam Douglas (2008, ms. 262) menyatakan semakin dekat jarak yang digunakan, semakin akrab sesuatu hubungan. Knapp dan Hall (2006, ms.155) dan Harrigan (2005) menjelaskan bahawa penggunaan ruang seseorang

Penggunaan ruang dapat mempengaruhi makna dan mesej yang disampaikan (dalam West & Turner, 2009, ms. 155). Burgoon (1991) meneroka teori ini dengan cuba melihat interpretasi manusia daripada pelanggaran ruang. Teori ini bermula dari sebuah pendapat bahawa manusia memiliki dua keinginan yang bersaing: afiliasi dan ruang peribadi. Ruang peribadi (*personal space*), menurut Burgoon dapat didefinisikan sebagai “sebuah ruang tidak kelihatan dan dapat berubah-ubah yang melingkupi seseorang, yang menunjukkan jarak yang dipilih untuk diambil oleh seseorang terhadap orang lain”. Dalam hal ini, manusia sentiasa memiliki keinginan untuk dekat dengan orang lain, tetapi juga menginginkan adanya jarak tertentu.

Penggunaan jarak berkait rapat dengan ruang. Hal ini dapat mengeratkan hubungan sesama manusia. Terdapat pelbagai jenis jarak dan ruang seperti yang dijelaskan oleh Hall (1966). Rajah 1.0 di bawah adalah gambaran kepada jarak dan ruang yang dimaksudkan.



Rajah 1.0. Gambaran ruang dan jarak dalam interaksi manusia

i) Jarak Intim (0-18 inci)

- Digunakan oleh orang yang mesra.
- Boleh memberi ancaman sekiranya tidak dikenali berada pada jarak ini.
- Jarak seperti ini adalah seperti mendengar bisikan, dengkur dan dapat merasakan kehangatan tubuh seseorang (pasangan bercinta).
- Perasaan kita berubah mengikut mood.

ii) Jarak Peribadi (18 inci-4 kaki)

- Jarak ini berbeza dengan jarak intim
- Pandangan mata bersifat fokus dan suara memiliki anti verbal.
- Jarak interaksi antara rakan-rakan juga sesuai untuk seseorang melepaskan perasaan yang tengah marah atau sedih.

iii) Jarak Sosial (4-10 kaki)

- Jarak ini digelar sebagai jarak psikologis
- Mudah cemas apabila orang lain memasuki wilayahnya.
- Mendengar dan melihat dengan jelas (fokus).
- Sesuai untuk perjumpaan dalam urusan yang memerlukan untuk berjumpa ramai orang dan mudah untuk terlibat dalam sesuatu perbincangan.

iv) Jarak Publik (10kaki- tidak terbatas)

- Dapat melihat serta memahami intonasi dan ekspresi wajah orang sekeliling.
- Merupakan jarak dalam kuliah, pengucapan awam dan interaksi di khalayak ramai.

1.8.3 Kronemiks (Masa)

Kronemiks adalah satu kajian tentang peranan masa dalam komunikasi. Kronemiks adalah satu daripada beberapa subkategori dalam bidang komunikasi bukan lisan (Hickson & Stacks, 1993, ms. 175). Kronemiks seperti yang didefinisikan oleh Knapp dan Hall (1992, ms.173) boleh dianggap sebagai suatu pemerhatian terhadap bagaimana seseorang atau sesebuah budaya menggunakan masa dalam budaya mereka. Menurut Ballard & Seibold (2004), ini dapat dilihat dengan cara mereka menilai masa, menstrukturkan masa dalam aktiviti yang dilakukan dan bagaimana mereka bertindak atau memberi respons terhadap masa dalam sebuah komunikasi. Kronemiks adalah tentang cara kita melihat, menggunakan, mengkaji, menstruktur, mentafsir dan bertindak balas terhadap mesej yang wujud daripada masa (Richmond & McCroskey, 2004, ms. 181). Dalam Hickson dan Stacks (1993), mereka mengatakan bahawa kajian kronemiks adalah “*significant area of nonverbal communication because we generally perceive our actions and reactions as a time sequence*” (ms. 175). Di beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom, masa dilihat amat penting. Penduduk di negara-negara ini sangat didorong oleh jadual dan kebanyakan komunikasi mereka sama ada lisan atau bukan lisan, diperoleh daripada persepsi masa (Richmond & McCroskey, 2004, ms. 181).

Persepsi terhadap penggunaan masa memainkan peranan yang penting dalam komunikasi bukan lisan. Persepsi terhadap masa meliputi ketepatan masa, kesediaan untuk menunggu, mentafsir dan menjadi penentu kepada tingkah laku manusia selain digunakan untuk berinteraksi (Richmond & McCroskey, 2004, ms. 181). Penggunaan masa boleh

mempengaruhi corak gaya hidup, rutin harian, tempoh bertutur, pergerakan dan tempoh masa seseorang itu bersedia untuk mendengar. Masa juga menjadi indikator kepada status. Sebagai contoh, seorang ketua dalam sesebuah organisasi boleh memulakan mesyuarat atau menangguhkan mesyuarat pada bila-bila masa yang dikehendakinya. Manakala pekerja bawahan pula perlu patuh kepada masa ketua sekiranya mereka ingin mengadakan pertemuan dan perlu menyediakan janji temu terlebih dahulu sebelum boleh bertemu. Menurut Lunenburg (2010, ms.4) “kronemiks adalah berkaitan dengan penggunaan masa seperti awal atau lewat, menunggu seseorang, dan hubungan masa dan status”. Di sesetengah negara seperti di Amerika dan United Kingdom, masa dilihat sebagai suatu yang sangat penting. Masyarakat di negara-negara tersebut sangat mementingkan penjadualan dan dari segi komunikasi mereka amat tertakluk kepada persepsi terhadap masa (Richmond & McCroskey, 2004, ms. 181). Sebagai contoh, masa ditentukan dengan waktu masuk bekerja, waktu pulang, rehat dan seterusnya waktu untuk peribadi dan waktu bersama keluarga atau rakan-rakan. Richmond & McCroskey, 2004) turut menjelaskan bahawa penetapan masa tersebut adalah bergantung kepada bagaimana mereka ditentukan waktu oleh majikan dan bagaimana mereka pula sebagai individu menentukan masa untuk diri mereka sendiri dan orang lain. Beberapa orang sarjana seperti Bluedorn (2002), Bloomfield dan Felder (1985) dan Brophy (1985) bersetuju bahawa masa adalah sebahagian daripada komunikasi lisan dan bukan lisan. Masa mengawal dan menjadi peraturan kepada kehidupan kita dalam menentukan perkara-perkara yang dilakukan (Richmond & McCroskey, 2004, ms. 182).

Masa sebenarnya mengawal dan memerintah kehidupan kita dalam menentukan apa yang kita lakukan dan bila kita melakukannya (Richmond & McCroskey, 2004, ms. 182). Dapat dijelaskan bahawa masa mengawal kehidupan kita, iaitu masa menentukan waktu untuk kita makan, tidur dan kadar upah yang diterima bergantung juga kepada jumlah jam seseorang itu bekerja. Oleh yang demikian, manusia sentiasa memberi persetujuan terhadap masa dalam setiap perkara yang kita lakukan (Knapp & Hall, 2006, ms. 109). Walau bagaimanapun, dalam beberapa budaya yang lain, masa dilihat secara berbeza (Hall, 1959, ms. 140).

1.9 Adat

05- Dalam masyarakat Melayu, adat merupakan asas kepada peradaban Melayu itu sendiri kerana dalam kelompok ini, adat memberi makna dan menghidupkan bangsa Melayu. Husin Embi et. al (2004:85) menjelaskan bahawa adat merupakan peraturan yang menjadi amalan sejak generasi terdahulu yang diturunkan kepada generasi baharu secara berterusan. Hal ini menyebabkan adat yang diperturunkan menjadi suatu hukum yang harus dipatuhi. Zainal Kling (2004:91) pula menerangkan bahawa adat adalah suatu bentuk ketetapan dan kebiasaan masyarakat malah lebih tepat lagi apabila adat turut dipengaruhi oleh alam yang menjadi latar kehidupan masyarakat tersebut. Ini menjadikan kehidupan mereka disesuaikan dengan kewujudan alam tersebut yang mencorakkan cara menjalani kehidupan, antaranya bentuk pekerjaan, makanan dan pelbagai lagi yang ditentukan oleh alam itu sendiri dan manusia menyesuaikan hidup mereka di dalamnya.

Oleh yang demikian, dalam hal yang berkenaan manusia menyusun kehidupan sosial mereka dan bersama-sama mewujudkan kebersamaan dan menetapkan peraturan-peraturan tertentu yang dikongsikan dan dipersetujui bersama bagi memberi identiti kepada masyarakat itu sendiri.

1.9.1 Konsep tentang Adat Melayu

Adat Melayu terbangun melalui konteks kehidupan mereka yang dilatari oleh alam yang mereka diami, iaitu kepulauan Melayu. Selain itu, menurut Zainal Kling (2004) agama Islam dan Arab menjadi elemen yang turut mempengaruhi pembinaan adat Melayu di nusantara termasuk kepada masyarakat bukan Melayu lain yang turut berinteraksi dengan masyarakat Melayu di dalamnya. Menurut Zainal Kling (2004) lagi, suku kaum asal seperti Iban, Bidayuh, Kayan dan lain-lain, sama ada mereka beragama Islam atau tidak turut menerima pengaruh Islam dan Arab dan beradaptasi dengan baik di dalamnya. Dalam masyarakat Melayu, adat-adat ini dapat dilihat melalui aktiviti kehidupan dan upacara yang dilaksanakan oleh sesebuah masyarakat itu. Adat ini turut terpancar melalui cerita-cerita legenda mahupun mitos yang membina kefahaman masyarakat untuk memahami sesuatu adat dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, kehidupan mereka dilatari dengan adat yang menjadi panduan, kepercayaan, hukum dan denda. Perlanggaran kepada adat menjadi sesuatu yang dikecam manakala individu yang memegang teguh kepada adat pasti dihormati dan mendapat pengiktirafan dalam masyarakat tersebut malah layak memegang kuasa atas kefahamannya kepada kepentingan menjaga adat tersebut.

Selain itu, menurut Muhammad Takari Jilin Syahrial (2015), adat juga dapat menunjukkan perbezaan antara masyarakat Melayu yang mendiami Kelantan, Perak, Terengganu, Johor, Deli, Riau dan pelbagai lagi wilayah di nusantara. Malah, adat juga menjadi identifikasi kepada masyarakat yang bukan Melayu yang hadir alam nusantara dengan secara tidak langsung dapat dikenal pasti bahawa mereka bukanlah bangsa Melayu yang mengamalkan adat dan cara hidup bangsa Melayu. Kepada masyarakat Melayu pula, sekiranya mereka gagal mengikuti adat, maka mereka boleh dikenakan hukuman sama ada bentuk hukuman yang berat atau dimarahi kerana gagal patuh kepada adat. Tenas Effendy (2004:57) menegaskan bahawa gagal menguasai adat adalah suatu yang tidak harus dipandang ringan kerana menurut beliau gagal memahami dan mematuhi adat menunjukkan individu tersebut tidak tahu beradat, malah lebih buruk lagi menggambarkan ketidakfahaman individu tersebut tentang agama. Hal ini kerana menurut Tenas Effendy lagi, adat Melayu itu didasari oleh agama Islam sebagai panduan. Tenas Effendi (2004:58) turut menekankan kepada kepentingan adat sebagai alat yang menggambarkan masyarakat Melayu itu sendiri. Hal ini menjadikan individu yang menggelarkan dirinya sebagai Melayu harus memahami kepentingan adat sebagai lambang kepada identiti diri. Husin Embi et al. (2004:85) menjelaskan bahawa masyarakat Melayu kaya dengan adat. Beliau memberi contoh dengan menekankan kepada peribahasa yang berbunyi 'Biar mati anak, jangan mati adat'. Peribahasa ini menjadi dasar kepada kepentingan adat melebihi kasih kepada anak. Menurut beliau lagi ada beberapa ungkapan lain yang menjadikan adat sebagai suatu yang penting dalam kehidupan masyarakat Melayu, antaranya 'Kecil dikandung ibu, besar dikandung adat, mati dikandung tanah'.

Tengku Muhammad Lah Husni (1986) menjelaskan bahawa adat Melayu terangkum dalam empat kategori, iaitu (1) adat yang sebenar adat; (2) adat yang diadatkan; (3) adat yang teradat, dan (4) adat-istiadat. Keempat-empat kategori adat ini dapat dijelaskan sebagai elemen yang membentuk asas dalam budaya Melayu. Bagi membincangkan keempat-empat kategori ini, Muhammad Takari Jilin Syahrial (2015) menyatakan bahawa adat Melayu perlu berdiri atas konteks yang dinyatakan ini dengan memastikan keempat-empatnya bersinergi antara satu sama lain. Bagi menghuraikan keempat-empat kategori adat ini, kita melihat pandangan yang diutarakan oleh Tenas Effendy (2004) dalam penjelasan beliau tentang adat Melayu.

i. Adat yang sebenar adat

Tenas Effendy (2004) menggambarkan bahawa inilah yang menjadi asas utama kepada pembentukan adat kerana menepati hukum yang telah Allah tetapkan tentang dunia ini. Beliau menerangkan bahawa adat ini tidak boleh ditukar-tukar, sebagai contoh, adat api membakar, adat air membersih. Inilah keyakinan yang wujud bahawa setiap ciptaan Allah mempunyai fungsi yang tersendiri yang tidak boleh diragukan lagi. Tengku Muhammad Lah Husni (1986:51) juga menjelaskan keadaan ini mewujudkan harmoni di atas muka bumi kerana akur dengan fitrah yang telah ditetapkan oleh Allah SWT.

ii. Adat yang diadatkan

Tenas Effendy (2004) menjelaskan tentang kategori ini sebagai suatu bentuk peraturan atau undang-undang yang dipersetujui melalui hasil musyawarah dalam masyarakat Melayu. Peraturan atau undang-undang ini adalah antara

yang membentuk identiti bangsa Melayu dengan memastikan bahawa cara hidup masyarakat adalah tergantung kepada peraturan alam dan keputusan-keputusan yang telah disepakati bersama. Sebagai contoh, peraturan dalam budaya Melayu yang menetapkan penghormatan kepada individu yang memiliki kuasa yang memerintah dengan adil sesuai dengan latar belakang masyarakat sesebuah kawasan. Perbezaan yang wujud antara kawasan memerlukan persepakatan dalam masyarakat dalam menentukan peraturan hidup dan tentu sekali berbeza antara wilayah-wilayah yang wujud di kawasan nusantara ini.

iii. Adat yang teradatkan

Adat yang teradatkan pula menurut Tengku Muhammad Lah Husin (1986) adalah kebiasaan-kebiasaan yang akhirnya diangkat menjadi adat. Beliau memberikan contoh seperti pakaian yang dipakai oleh masyarakat Melayu terdahulu berubah mengikut perubahan zaman. Perubahan ini walau bagaimanapun tetap tidak mengubah jati diri masyarakat Melayu itu sendiri. Namun, yang berubah hanyalah dari aspek fisiknya sahaja tanpa mengubah inti kehidupan masyarakat Melayu. Ini seperti yang dinyatakan apabila seorang individu itu tidak berubah identiti bangsanya apabila memakai pakaian yang berasal dari barat seperti kemeja dan menyarung kot ditubuhnya selagi pemikirannya masih Melayu dan tingkah laku adat budayanya berpegang kepada nilai-nilai bangsa Melayu. Dinamika budaya menjadikan bangsa Melayu itu berubah ke arah yang lebih baik dan dalam masa yang sama mengekalkan budayanya.

iv. Adat-istiadat

Adat-istiadat pula merujuk kepada bentuk-bentuk ritual, kebiasaan yang digunakan dalam sesebuah budaya seperti adat merisik, bertunang, berkahwin dan pelbagai lagi. Dalam menjalani kehidupan bermasyarakat, hubungan antara individu dengan individu lain, serta hubungan individu dengan keseluruhan masyarakat adalah didasari dengan aktiviti-aktiviti yang menjadi teras kepada masyarakat itu sendiri. Ini dapat dilihat dalam pelbagai acara yang berlaku harus mempunyai kaedah atau cara tertentu untuk dilaksanakan. Bijak pandai Melayu bertindak membentuk aturan-aturan ini melalui pola pemikiran masyarakat Melayu yang disesuaikan dengan latar belakang alam dan spiritual mereka. Menurut Muhammad Takari Jilin Syahril (2015), inilah asas kepada pembentukan adat-istiadat yang akhirnya menjadi pengenalan kepada identiti masyarakat Melayu yang secara khususnya hidup di kawasan nusantara.

1.10 Adab

Makna adab dalam kefahaman masyarakat secara umumnya adalah suatu bentuk tingkah laku yang mencerminkan kesantunan dan kesopanan diri individu kepada individu lain termasuk kepada Allah SWT. Wan Mohd Nor Wan Daud (dlm Siti Fatimah Mohamed Anwar, 2019) memetik pandangan tokoh terkenal, iaitu Tan Sri Prof Dr Syed Muhammad Naquib al-Attas yang menerangkan bahawa adab adalah meliputi segala disiplin hidup yang merangkumi ontologi hinggalah ke ekologi. Adab jelas sekali berhubung kait kepada perkara pokok lain dalam pandangan dunia Islam dan etika seperti realiti kebenaran atau



haqq; bijaksana (hikmah) dan adil (adl) (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2019). Antara hal utama yang ditekankan dalam konsep adab adalah adab kepada Allah yang menciptakan alam. Sebagai manusia, kita hendaklah mengakui akan kebesaran Allah dan mengagumi ciptaanNya sebagai suatu indikasi bahawa Allah adalah tuhan sekalian alam dan Maha Berkuasa atas segala sesuatu. Selain itu, adab terhadap diri sendiri menurut Wan Mohd Nor Wan Daud (2019) pula bermakna kita mengakui akan sifat haiwan dan rasional dalam setiap individu. Dengan keupayaan untuk menguasai sifat haiwan dan meletakkan rasional sebagai lebih tinggi, barulah individu itu dapat bertingkah laku dengan baik dan beradab tanpa dikuasai nafsu kehaiwanannya. Oleh yang demikian, konsep adab adalah apabila bertindak secara hikmah, bijaksana dan adil dalam setiap perbuatan. Maka adab menjadi cerminan kepada ketamadunan dan membentuk identiti diri yang menepati kehendak



1.11 Islam

Menurut Khurshid Ahmad (2022) Islam adalah perkataan Arab yang menunjukkan penyerahan, penyerahan, dan ketaatan. Sebagai agama, Islam bermaksud penyerahan dan kepatuhan sepenuhnya kepada Allah. Makna literal lain bagi perkataan "Islam" ialah "keamanan." Ini menandakan bahawa seseorang boleh mencapai ketenteraman sebenar badan dan fikiran hanya melalui penyerahan dan kepatuhan kepada Allah. Kehidupan ketaatan seperti itu membawa ketenangan hati dan mewujudkan kedamaian sebenar dalam masyarakat umumnya.





Orang-orang yang beriman dan hati mereka menjadi tenteram dengan mengingat Allah, sesungguhnya dengan mengingat Allah jualah hati manusia menjadi tenteram - orang-orang yang beriman dan beramal soleh, bagi mereka kegembiraan, dan tempat kembali yang baik. . (13: 28-29)

Mesej ini telah dikhabarkan oleh semua Nabi Allah, yang membimbing manusia ke jalan yang benar. Tetapi manusia bukan sahaja menyimpang dari jalan yang benar berulang kali, tetapi juga hilang atau terpesong daripada petunjuk yang telah diwariskan oleh para nabi. Itulah sebabnya nabi-nabi diutus untuk menyatakan semula mesej asal dan membimbing manusia kembali ke jalan yang benar. Nabi Muhammad meneruskan dakwah memberikan petunjuk Allah agar manusia hidup dalam keadaan yang diredai. Hidayah inilah yang kini dikenali sebagai Islam dan termaktub dalam al-Quran dan teladan (Sunnah) Nabi.

Menurut Khursid Ahmad (2022) lagi, konsep asas Islam adalah bahawa seluruh alam ini diciptakan oleh Allah, yang Islam panggil Allah, dan siapa Tuhan dan Penguasa alam semesta, yang hanya Dia yang memelihara. Dia menciptakan manusia dan menetapkan bagi setiap manusia satu jangka masa yang tetap yang akan dia habiskan di atas bumi. Allah telah menetapkan satu kod kehidupan tertentu sebagai yang betul untuk manusia, tetapi pada masa yang sama memberikan manusia kebebasan memilih sama ada dia menerima pakai kod ini sebagai asas sebenar kehidupannya. Seseorang yang memilih untuk mengikut syariat yang diturunkan oleh Allah menjadi seorang Muslim (mukmin) dan sesiapa yang enggan mengikutinya menjadi kafir (kafir).





Seorang lelaki yang menganuti Islam dengan jujur mempercayai dan mengaku beriman kepada keesaan Allah dan kenabian Muhammad. Kedua-dua kepercayaan ini dilambangkan dalam kalimah (artikel iman):

La ilaha illa Allah, Muhammad Rasul Allah. (Tiada Tuhan selain Allah, Muhammad adalah Nabi-Nya.)

Bahagian pertama kalimah mengemukakan konsep tauhid (keesaan Allah) dan bahagian kedua mengesahkan kenabian Muhammad.

Selain itu, Allah telah menurunkan Al-Quran yang mengandungi petunjuk abadi yang diberikan oleh Tuhan sekalian alam. Selain itu, Allah juga mengutuskan para nabi dan rasul dengan menghidupkan sunnah yang menjadi panduan bahawa setiap sesuatu datang daripada Allah yang bebas daripada batasan ruang dan masa. Oleh itu, prinsip-prinsip tingkah laku individu dan sosial yang diturunkan olehNya adalah berdasarkan realiti dan kekal abadi. Allah telah menurunkan prinsip-prinsip yang luas dan telah menganugerahkan manusia kebebasan untuk menerapkannya dalam setiap zaman dengan cara yang sesuai dengan semangat dan keadaan zaman itu. Melalui ijtihad (usaha intelektual untuk sampai kepada kebenaran) manusia dari setiap zaman cuba melaksanakan dan menerapkan petunjuk Ilahi kepada masalah zaman mereka. Oleh itu bimbingan asas adalah bersifat kekal, manakala kaedah penerapannya boleh berubah mengikut keperluan khusus setiap zaman. Oleh sebab itulah Islam sentiasa kekal segar dan moden. Hal ini



dapat dilihat dari segi keluasan Islam yang membenarkan sesebuah budaya itu berjalan namun wajib berlandas atas landasan akidah dan hukum yang telah ditentukan.

1.12 Kesimpulan

Apa yang penyelidik dapat simpulkan di sini adalah kajian ini melihat kepada bagaimana majlis perkahwinan masyarakat Melayu dipenuhi dengan elemen-elemen komunikasi lisan dan bukan lisan. Dalam kajian yang mengkhusus kepada komunikasi bukan lisan, penyelidik berharap agar dapat mengenal pasti, menganalisis dan seterusnya membuat cadangan dan kesimpulan tentang bagaimana adat resam, budaya dan adab masyarakat Melayu berfungsi dalam keadaan yang sebenar dan lebih penting lagi bagaimana komunikasi bukan lisan, iaitu aspek haptik, proksemiks, dan kronemiks dalam masyarakat Melayu khususnya dalam majlis perkahwinan berlaku dan digunakan. Kesemua elemen ini diperhatikan, dikaji dan dijadikan asas dalam perbincangan dalam bab-bab yang seterusnya. Metodologi yang digunakan bagi mendapatkan data adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif melalui pendekatan etnografi. Triangulasi data digunakan bagi tujuan mengesahkan data yang diperoleh adalah tepat dan dapat menjadi representasi yang memuaskan bagi kajian ini dan seterusnya dapat digunakan untuk menjawab semua soalan kajian. Akhirnya, objektif kajian yang dirangka dapat dicapai.